

09/11/2003

Sokongan rakyat beri kerajaan peluang latih pemimpin pelapis

Syed Akbar Ali

MINGGU pertama kita di bawah pimpinan baru Perdana Menteri baru Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sudah berlalu. Dalam minggu pertama ini, Pak Lah telah menonjolkan kepimpinan yang jelas dan bebas untuk menerajui kerajaan.

Peralihan kuasa yang licin dan kesinambungan tugas Perdana Menteri yang dibawa Pak Lah tanpa sebarang sentak atau gementar membuktikan kewibawaan menteri Kabinet Malaysia yang telah berpengalaman dalam tugas mentadbir negara.

Ini adalah satu daripada khazanah besar dan kurnia rahmat Allah yang baik apabila majoriti rakyat negara kita sudi mengundi kerajaan yang sama sejak merdeka yang menjamin kestabilan dalam sistem peralihan pemimpin tertinggi dan pentadbiran kerajaan. Sokongan rakyat yang tidak putus memberi kerajaan masa dan peluang untuk terus melatih dan mewujudkan saf pemimpin pelapis untuk menggantikan pemimpin lama.

Di negara lain pertukaran pimpinan kerajaan sering mengakibatkan huru hara kerana falsafah politik dan corak pemikiran pemimpin amat berbeza. Contohnya apabila perdana menteri sosialis menang pilihan raya di Britain, dasar kerajaan ditukar mirip dengan falsafah sosialis.

Ini menyebabkan huru hara terutama sekali di kalangan peniaga dan usahawan yang pernah lari daripada Britain untuk mengelakkan diri daripada membayar cukai tinggi kerajaan ala sosialis.

Apabila puak sosialis kalah pula falsafah politik berubah sekali lagi mengikut sistem pasaran bebas kapitalis. Ramai orang yang menjadi malas kerana terlalu bergantung kepada sistem subsidi kerajaan sosialis terpaksa menganggur kerana tidak sempat belajar untuk bersaing dalam pasaran bebas.

Di India kerajaan negeri pernah jatuh ke tangan parti Komunis seperti di Bengal yang membentuk dasar baru ala komunis yang kemudian menimbulkan masalah besar di kalangan tuan tanah dan para petani.

Dalam negara kita pula puak fanatik sedang mencuba untuk menangi pilihan raya supaya mereka boleh membentuk kerajaan mengikut acuan yang terbukti telah membawa kegagalan demi kegagalan di negara lain. Kita boleh melihat corak pentadbiran mereka di negeri yang diperintah mereka yang antara lainnya akan mempunyai dua sistem perundangan. Semua ini akan membawa kepada keadaan huru hara dan akan merosakkan segala rahmat dan kurnia daripada Allah yang kita telah menikmati selama ini.

Pak Lah juga telah berkata beliau tidak bercadang melakukan sebarang rombakan atau membuat pelantikan baru dalam Kabinet buat masa ini. Sekali lagi ini membuktikan bahawa Kabinet Malaysia adalah satu pasukan yang padu yang telah membuktikan kebolehan untuk mentadbir negara.

Apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mula menerajui pimpinan kerajaan pada 1981, beliau telah minta diberi tempoh seratus hari untuk memperkenalkan idea dan corak pimpinan baru untuk negara kita. Dalam seratus hari yang pertama itu, Dr Mahathir telah memperkenalkan banyak perubahan positif yang masih kekal sehingga hari ini.

Antaranya ialah untuk menyamakan waktu Semenanjung Malaysia dengan waktu di Sabah dan Sarawak. Waktu di Semenanjung Malaysia telah dipercepatkan setengah jam supaya tidak ada lagi perbezaan waktu di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak. Pada masa itu kerajaan Singapura pun terpaksa ikut sama menukar waktu kerana mereka mempunyai pertalian ekonomi yang begitu rapat dengan negara kita.

Dr Mahathir juga menyuruh semua kakitangan kerajaan menggunakan sistem

`punch card' ketika mulakan tugas dan apabila tamat kerja pada setiap hari. Selain daripada itu gaji menteri telah di potong untuk membantu kerajaan mengatasi kemelesetan ekonomi.

Begitu juga dalam minggu pertama sebagai Perdana Menteri kita melihat Pak Lah mengumumkan beberapa cadangan baru yang pasti akan membawa kepada kebaikan bagi kita semua. Pak Lah telah mengadakan perjumpaan dengan semua Wakil Rakyat termasuk wakil rakyat daripada parti pembangkang. Kerk Kim Hock, Setiausaha Agong parti pembangkang DAP telah berkata bahawa DAP sudi bekerjasama dengan Pak Lah. Pak Lah pula menyambut baik kenyataan Kim Hock dan berkata memang ada peluang bagi pihak pembangkang bekerjasama dengan kerajaan.

Dari segi politiknya ini adalah satu tindakan baik yang akan mengukuhkan kestabilan politik dalam negara kita.

Pak Lah juga bercadang menghadiri jamuan buka puasa bersama hakim. Selama ini sebahagian orang terutama sekali pihak pembangkang telah memainkan isu ketegangan antara pemimpin dan kehakiman negara. Sekali lagi keputusan Pak Lah untuk berjumpa dengan para hakim boleh menangkis sebarang buruk sangka yang masih wujud dan merapatkan lagi pertalian antara semua pihak.

Setelah mempengerusikan mesyuarat Kabinetnya yang pertama pada 5 November lalu, Pak Lah juga telah mengadakan persidangan media yang dihadiri wakil akhbar dan wartawan dari pelbagai media termasuk media asing. Dalam perjumpaan dengan media itu Pak Lah menjawab pelbagai soalan dengan mudah dan secara terbuka. Ini menunjukkan bahawa corak pentadbiran Pak Lah juga akan mendekati cara yang terbuka (transparent) yang rela berhadapan dengan media untuk menjawab soalan.

Apabila ditanya pendapat beliau mengenai kenyataan Dr Mahathir Mohamad terhadap orang Yahudi Pak Lah sebagai Perdana Menteri berkata bahawa Dr Mahathir sebenarnya mengingatkan orang Islam bahawa orang Yahudi membawa pengajaran baik bagi kita semua kerana walaupun mereka pernah tertindas, orang Yahudi telah bersandar kepada ilmu, pendidikan dan kepakaran untuk menyelamatkan bangsa mereka.

Oleh itu orang Islam pun yang tertindas pada hari ini perlu menimba ilmu, pendidikan dan mempunyai kepakaran untuk menyelamatkan umat Islam. Maka dengan jawapan yang ringkas dan mudah seperti ini Pak Lah telah mematahkan tuduhan bahawa kerajaan kita adalah anti Yahudi.

Seorang sahabat penulis yang baru balik dari London berkata bahawa media British memberi paparan kepada Pak Lah sebagai seorang pemimpin yang suka kepada kesederhanaan dan juga mudah didekati.

Dalam minggu pertamanya sebagai Perdana Menteri Pak Lah juga telah mengumumkan dua perkara yang penting yang bakal berbaloi bagi kita semua. Yang pertama ialah mengubah jentera kerajaan untuk mengurangkan kemusykilan birokrasi. Secara khususnya Pak Lah menyebut Pejabat Daerah, Pejabat Tanah dan jabatan kerajaan lain jenis `frontline' yang menjadi tumpuan awam untuk mendapatkan kelulusan tertentu daripada kerajaan. Pak Lah berkata bahawa birokrasi yang terlalu ketat mengakibatkan kelewatan untuk mendapat kelulusan dan ini pula berpotensi membawa gejala lain seperti rasuah dan pilih kasih.

Semua kementerian kerajaan diarah menubuhkan jawatankuasa masing masing untuk mengkaji cara mengurangkan kerenah birokrasi dan melicinkan perkhidmatan kepada awam.

Jika arahan Pak Lah ini disambut baik dan dilaksanakan dengan penuh semangat, selain daripada mengurangkan rasuah ia juga berpotensi mencetuskan pertumbuhan ekonomi yang lebih cergas.

Perkara yang kedua yang disebut oleh Perdana Menteri ialah supaya menteri menteri Kabinet sentiasa menonjolkan peribadi yang baik dan tidak menonjolkan gaya hidup yang boleh menimbulkan soalan di kalangan umum.

Oleh kerana kenyataan ini ditujukan khas kepada menteri Kabinet maka para menteri dan sesiapa yang ingin menjadi menteri patut peka dan menyahut nasihat ini. Pak Lah juga telah sebut mengenai pimpinan melalui teladan. Semua orang yang ingin menjadi pemimpin perlu menunjukkan teladan yang baik.

Kesimpulannya dalam minggu pertamanya sebagai Perdana Menteri tidak ada sebarang kenyataan Pak Lah yang boleh disanggah oleh sesiapa pun termasuk parti pembangkang. Pak Lah kelihatan jelas dan mempunyai visi sendiri untuk majukan negara.